



Your OSH preferred partner

FYi

NIOSH MALAYSIA NEWSLETTER... BRINGING YOU THE OSH UPDATES

JULY 2024



» **Mendengar ke Arah Hubungan
yang Lebih Bermakna**

» **Penggunaan Implan Koklea
dalam Kalangan Warga Emas**

Nota Pengarah Eksekutif

Assalamualaikum WBT

Bismillahirrahmanirrahim.

Hari Pendengaran Sedunia ditetapkan pada 3 Mac setiap tahun oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendengaran dan kewajipan terhadap pemeliharaan serta pencegahan kehilangan pendengaran. Secara tidak langsung, ia juga bertujuan mempromosikan penjagaan kesihatan telinga dan pendengaran di seluruh dunia. Pada tahun ini, tema Sambutan Hari Pendengaran Sedunia ialah "Changing mindsets: let's make ear and hearing care a reality for all!".

Tema ini memfokuskan kepada kepentingan dalam meningkatkan kesedaran mengenai kehilangan pendengaran, mempromosikan penjagaan telinga dan pendengaran, serta menyokong akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan pendengaran. Tema ini juga memberikan penekanan terhadap kepentingan pengesanan awal, pencegahan dan rawatan kehilangan pendengaran, serta menangani kesan sosial dan ekonomi akibat gangguan pendengaran terhadap individu dan komuniti di seluruh dunia.

Dalam aspek pekerjaan, penyakit kurang pendengaran akibat bunyi bising di tempat kerja, atau dikenali sebagai *Occupational Noise Induce Hearing Loss* (ONIHL), merupakan satu penyakit kerja yang utama jika dibandingkan dengan penyakit akibat pekerjaan yang lain. Ramai pekerja yang terdedah kepada bunyi bising berisiko untuk mendapat kemudaratan seperti hilang pendengaran, stress dan gangguan komunikasi. Gangguan komunikasi di antara pekerja boleh meningkatkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Sebagai rakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) pilihan industri, NIOSH turut menyokong usaha untuk meningkatkan kesedaran dan tindakan dalam menjaga kesihatan pendengaran demi kebaikan bersama. Sehubungan itu, NIOSH telah menganjurkan program Sambutan Hari Pendengaran Sedunia bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mendengar dalam kehidupan serta sebagai medium perkongsian ilmu pengetahuan berkaitan aktiviti mendengar melalui aktiviti pameran, ceramah dan sesi perbincangan.

Selain itu, NIOSH turut menyediakan latihan dan garis panduan kepada pengamal KKP, pihak pengurusan dan pekerja agar dapat melaksanakan program pemuliharaan pendengaran di tempat kerja. Langkah tersebut dapat membantu mencegah penyakit kehilangan pendengaran akibat bunyi bising di tempat kerja dan seterusnya mengurangkan kadar kehilangan dan kecacatan pendengaran akibat pendedahan kepada bunyi bising.


Bagi edisi FYi Julai 2024, kami membawakan maklumat berkaitan melalui artikel yang bertajuk "Mendengar ke Arah Hubungan yang Lebih Bermakna" dan "Penggunaan Implan Koklea dalam Kalangan Warga Emas". Semoga perkongsian kali ini dapat memberi manfaat dan kesedaran kepada para pembaca untuk sama-sama menjaga kesihatan telinga dan pendengaran agar dapat mencegah dan mengurangkan impak masalah kehilangan pendengaran secara global. ♦



Haji Ayop Salleh
Pengarah Eksekutif
NIOSH

Senarai Kandungan

Mendengar ke Arah Hubungan yang Lebih Bermakna	3
Penggunaan Implan Koklea dalam Kalangan Warga Emas	4
Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Bulan Julai 2024	5 - 11
Papan Kenyataan	12 - 14
Sudut Informasi	15
Keratan-Keratan Akhbar	16



Julai 2024

eISSN 2762-7412



Sidang Redaksi

Diterbitkan oleh:
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia (199201011539).

Alamat : Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

No. Tel : +6 03-8769 2100

No. Fax : +6 03-8926 2900

Emel : general@niosh.com.my

Laman Web : www.niosh.com.my

Penasihat

Haji Ayop Salleh
Mejar Haji Hanif Maidin (B)

Sekretariat

Noorliza Idawati Mat Nayan
Mohd Hussin Abd Salam
Siti Badariah Abu Bakar
Siti Norshuhada Abdul Aziz
M. Hamzah Jamaludin

Editor

Muhamad Syarizat Azmi
Fatin Alisha Zulkifli

Pengiklanan dan Media

Mohd Hussin Abd Salam
Emel : dl.bmd@niosh.com.my
No. Tel : 016-559 7399

Penghantaran Sumber / Bahan / Artikel

Fatin Alisha Zulkifli
Emel: penerbitan@niosh.com.my
No. Tel:+6 017-942 6536



Sila imbas kod QR ini untuk memberi maklum balas kepada penerbitan NIOSH

Mendengar: Ke arah hubungan yang lebih bermakna

Nurul Husna binti Abdul Rahim, Pegawai Psikologi Kaunseling, Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH), Kementerian Kesihatan Malaysia

Seringkali kita menganggap mendengar merupakan satu perkara yang biasa, tetapi ia merupakan elemen penting serta memberi impak dalam pelbagai aspek kehidupan. Menurut Kamus Dewan, perkataan mendengar merujuk kepada tindakan menerima atau menangkap bunyi melalui telinga serta mengetahui atau memahami sesuatu melalui pendengaran. Dalam erti kata lain, mendengar bukan hanya sekadar proses fizikal menangkap bunyi, tetapi juga melibatkan pemahaman dan perhatian terhadap maklumat yang disampaikan. Ia merupakan kemahiran penting yang bukan sahaja digunakan dalam komunikasi sehari-hari, tetapi juga dalam membina hubungan yang mendalam dan bermakna dengan orang di sekeliling kita. Namun, adakah setiap orang mampu mendengar untuk memahami dan bukannya untuk menghakimi?

Stephen R. Covey dalam bukunya "The 7 Habits of Highly Effective

People" menekankan bahawa mendengar secara empati adalah asas kepada komunikasi yang berkesan, di mana kita tidak hanya mendengar dengan kata-kata tetapi juga memahami emosi dan maksud di sebalik penyampaian maklumat tersebut. Konsep ini adalah kunci untuk membina kepercayaan, memperkuatkan hubungan serta memberi keupayaan dalam penyelesaian masalah yang lebih berkesan.

Kemahiran mendengar dapat dilihat melalui pelbagai aspek kehidupan. Dalam hubungan kekeluargaan, mendengar mampu menguatkan ikatan antara adik-beradik, ibu bapa dan anak-anak serta seluruh ahli keluarga manakala hubungan dengan rakan akan lebih utuh jika kita lebih mendengar dan memahami cerita atau masalah yang dikongsi. Ia bukan sahaja menunjukkan tanda sokongan tetapi sebuah penghargaan yang sukar untuk didapat.

Dari segi konteks hubungan yang profesional atau di tempat kerja, kemahiran mendengar memainkan peranan penting dalam sesbuah organisasi. Apabila ketua mendengar pendapat, isu, atau kerisauan pekerja, ia boleh meningkatkan rasa dihargai dalam kalangan pekerja serta memotivasi diri untuk menyumbang dengan lebih proaktif.

Namun, mendengar memerlukan usaha. Gangguan dan halangan akan sentiasa ada seperti telefon bimbit atau fikiran yang tidak fokus. Setiap orang daripada kita perlu menambah baik kemahiran mendengar. Ia bukan sahaja terletak pada kemampuan mendengar tetapi turut melibatkan keupayaan untuk memahami dan menghargai individu di sekeliling kita. Oleh itu, marilah kita mengaplikasikan kemahiran mendengar dengan empati dan lebih baik dalam membina hubungan yang lebih bermakna. ♦

The poster features a purple background with white and pink geometric shapes. At the top left are the logos of the Ministry of Health (KEMENTERIAN SIKAPER MALAYSIA) and NIOSH. The main title "Sambutan Hari MENDENGAR NIOSH 2024" is prominently displayed in large white letters. Below it, the subtitle "Menghayati Alunan Bunyi Alam | Listening to the Weave of Time" is written in smaller white text. To the right, there is a graphic of a globe wearing headphones, symbolizing global listening. A QR code at the bottom right is labeled "Imbas kod QR untuk pendaftaran". The bottom left contains text about the event details: Tarikh: 31 Julai 2024 (Rabu); Masa: 08.30 pagi – 1:00 petang; Tempat: NIOSH Experience Centre, Aras 2, Menara NIOSH. Logos for HRD Corp, HCTM, 620dB, Advanced Bionics, hearLIFE, MED-EL, and Cochlear are also present.

Penggunaan Implan Koklea dalam kalangan warga emas

Asma Abdullah Jabatan Otorinolaringologi- Pembedahan Kepala dan Leher, Fakulti Perubatan UKM
Wan Nur Hanim Mohd Yusoff, Program Audiologi, Fakulti Sains Kesihatan UKM

Implan koklea (CI) merupakan salah satu alat elektronik yang memberikan manfaat yang sangat baik kepada pesakit kurang pendengaran yang teruk tanpa mengira usia. Ia telah terbukti banyak membantu pesakit-pesakit ini melalui hasil kajian di dalam dan luar negara. Bagi penerima CI dalam kalangan kanak-kanak, ia membolehkan mereka melalui proses perkembangan pertuturan yang normal, seterusnya membolehkan mereka memasuki sekolah aliran perdana dan meneruskan pelajaran sehingga ke peringkat universiti.

Namun, bagi warga emas yang mengalami masalah pendengaran, pemilihan alat bantuan pendengaran (ABP) adalah langkah awal yang sering diambil sebelum mempertimbangkan CI. ABP ini terdiri daripada pelbagai jenis seperti di dalam rajah 1.



Rajah 1: Alat bantuan pendengaran



Rajah 2: Alat bantuan pendengaran *Behind-The-Ear (BTE)*

Pemilihannya bergantung kepada tahap pendengaran sedia ada, kewangan, serta masalah kesihatan lain, seperti masalah sendi-sendi tangan yang boleh mengganggu proses memasang alat ini. Penggunaan ABP ini akan disyorkan oleh pegawai audiologis di hospital kerajaan atau swasta. Sekiranya ABP

ini tidak lagi memberikan faedah yang mencukupi kepada warga emas terbabit, mereka akan disyorkan untuk menjalani CI.

Penerima CI dalam kalangan warga emas mampu menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan bergaul dengan lebih aktif dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, beberapa faktor klinikal perlu diambil kira sebelum mereka menjalani pembedahan CI. Antaranya ialah:

- Tahap pendengaran yang tidak lagi dapat dibantu dengan penggunaan ABP,
- Masalah komorbiditi seperti kencing manis, darah tinggi, dan masalah jantung,
- Tahap kognitif atau kesediaman mereka untuk memakai CI,
- Masalah-masalah lain seperti bunyi berdesing (tinnitus) dan masalah keseimbangan.

Penerima CI akan menjalani sesi bersama pegawai audiologis, pakar pertuturan, dan pakar bedah Otorinolaringologi (ORL). Sebagai langkah persediaan, imbasan CT scan dan magnetic resonance imaging (MRI) akan dilakukan untuk memastikan keadaan di dalam tulang temporal sesuai untuk pembedahan CI. Ini juga membantu pakar bedah ORL dalam pengendalian pesakit sebelum dan selepas pembedahan. Selain itu, sisa pendengaran (residual hearing) dan komorbiditi warga tua perlu dinilai dan dipertimbangkan dalam mesyuarat multidisiplin yang melibatkan pegawai audiologi, pakar pertuturan, pakar ORL, dan lain-lain bidang yang berkaitan untuk membuat ramalan realistik tentang keberhasilan CI ini.

Penjagaan jangka panjang selepas pembedahan CI dan pelaksanaannya harus dibincangkan dengan teliti sebelum pembedahan, agar pesakit berasa dijaga dengan baik oleh ahli keluarga. Selepas menjalani pembedahan, penerima CI juga perlu menjalani terapi pendengaran dan pertuturan untuk memastikan mereka memperoleh manfaat sepenuhnya daripada CI. Pada

peringkat awal, bunyi yang didengari mungkin kedengaran tidak semula jadi, tetapi selepas menjalani terapi, mereka boleh beradaptasi dengan bunyi tersebut. Akhirnya, mereka akan mendapat manfaat yang besar daripada CI dalam aspek kefahaman pertuturan dan komunikasi.

Contoh kejayaan ini dapat dilihat melalui pengalaman seorang pesara guru besar dari Perak yang menerima CI di Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada usia 79 tahun pada tahun 2020. Alhamdulillah, setelah 4 tahun menggunakan CI ini, beliau kini boleh berkomunikasi dengan baik dan menggunakan telefon mudah alih. Beliau juga aktif dalam pelbagai aktiviti di surau dan masyarakat, menunjukkan bahawa implan koklea bukan sahaja meningkatkan kemampuan mendengar, tetapi juga memberikan kehidupan yang lebih bermakna kepada warga emas.

Terdapat beberapa faedah implan koklea dalam kalangan warga emas. Antaranya ialah:

- Mengurangkan risiko cepat nyanyuk dan kemurungan
- Mengurangkan risiko kecederaan atau jatuh
- Meningkatkan tahap kualiti hidup
- Membantu melibatkan diri dalam aktiviti kemasasyarakat

Kesimpulannya, pembedahan CI ini selamat untuk warga emas. CI adalah salah satu cara yang berkesan untuk memulihkan seseorang yang kurang pendengaran pada tahap yang teruk di mana dia tidak boleh lagi dibantu oleh alat bantuan pendengaran.

TAKE HOME MESSAGE

Sama-sama kita menjaga pendengaran kita dan elakkan sebarang risiko yang menjadi penyebab hilang pendengaran. Jika ada ibu bapa kita yang mempunyai masalah pendengaran, luangkan masa untuk membawa mereka menjalani ujian pendengaran dengan pegawai audiologi. ♦

3 Julai 2024**Majlis Pelancaran MPK Safety Passport**

3 Julai 2024, Kemaman - Majlis Pelancaran MPK Safety Passport anjuran Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dengan kerjasama NIOSH telah diadakan di Dewan Berlian Utama, MPK.

MPK Safety Passport merupakan inisiatif pihak kerajaan negeri melalui MPK dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui pemerkasaan pembekal, vendor dan kontraktor dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Majlis pelancaran MPK Safety Passport ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPK, En. Fadli Yusof Bin Zakaria. Pihak NIOSH diwakili oleh Setiausaha Eksekutif, Tn Mejar Hj. Hanif Maidin (B).

Sesi pertukaran dokumen kerjasama memorandum persefahaman (MOU) antara MPK dan NIOSH turut diadakan di majlis pelancaran ini dalam usaha meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat

kerja. Reruai pameran oleh MPK dan NIOSH turut disertai oleh PERKESO, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Klinik Hijra Kemaman.

Turut hadir adalah wakil-wakil pihak berkuasa tempatan negeri Terengganu, kakitangan MPK, kakitangan NIOSH serta wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan negeri. ♦

**16-18 Julai 2024** **Program Khidmat Rundingan Advanced ERA**

16-18 Julai 2024, Rawang – Program Khidmat Rundingan Advanced Ergonomics Risk Assessment (ERA) telah dilaksanakan oleh Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH bertempat di Sri Nona Food Manufacturing Sdn Bhd (Lot 100), Rawang, Selangor. Antara pegawai NIOSH yang terlibat adalah Dr. Ariff, En. Ikhwan, En. Fahmi dan En. Arif. ♦

22 Julai 2024 > Kunjungan daripada HFEM

22 Julai 2024, Bandar Baru Bangi – NIOSH menerima kunjungan daripada Human Factors and Ergonomics Society Malaysia (HFEM). Tujuan lawatan ini adalah untuk mengenalpasti kemudahan serta peralatan sedia ada yang boleh disewa atau digunakan untuk tujuan penyelidikan. Kunjungan seramai 10 orang ini disambut oleh Pakar Teknikal NIOSH, En Raemy Md. Zein dan Dr. Hj Muhamad Ariff Muhamad Noordin. ♦



22 Julai 2024

> Seminar Transfer of Knowledge antara NIOSH & UTHM



22 Julai 2024, Bandar Baru Bangi – Seminar Transfer of Knowledge antara NIOSH & Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilaksanakan dengan topik "Ergonomics Intervention and Best Practices" bertempat di Dewan Teater, Bangunan Utama, NIOSH. Tujuan seminar ini dianjurkan adalah sebagai platform penyebaran maklumat tentang hasil kajian berkaitan ergonomik. Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En.Ismail dan En.Noorul Azreen. ♦

23-24 Julai 2024

Bengkel Latihan Mengendalikan Peralatan Makmal NIOSH (HEAL & EEL)

23-24 Julai 2024, Bandar Baru Bangi – Bengkel Latihan Mengendalikan Peralatan Makmal NIOSH iaitu *Human Ergonomics Assessment Laboratory* (HEAL) dan *Environmental Ergonomics Laboratory* (EEL) telah dilaksanakan oleh Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH bertempat di Bilik Perbincangan *Research Management Centre* (RMC). Tujuan bengkel ini dianjurkan adalah untuk memberikan pendedahan mengenai cara mengendalikan peralatan makmal HEAL dan EEL yang telah dipindahkan dari Pejabat NIOSH Wilayah Selatan ke ibu pejabatnya di Bandar Baru Bangi. ♦



25 Julai 2024

Memorandum Persefahaman (MoU) antara NIOSH & UniSZA



25 Julai 2024, Bandar Baru Bangi – NIOSH dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bertempat di NIOSH Bandar Baru Bangi sebagai simbolik kerjasama strategik dalam pelbagai aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Di majlis pertukaran dokumen MOU ini, pihak UniSZA diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Fadzli Bin Adam, Naib Canselor UniSZA manakala pihak NIOSH diketuai oleh YBrs Tn Hj Ayop Bin Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH. Turut hadir adalah Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniSZA, kakitangan UniSZA serta pengurusan tertinggi NIOSH. ♦



25 Julai 2024**Seminar Transfer of Knowledge antara NIOSH & UMPSA**

25 Julai 2024, Bandar Baru Bangi – Seminar Transfer of Knowledge antara NIOSH dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah dilaksanakan dengan topik “Noise-Induced Hearing Loss (NIHL): What the brain can tell you? and Metagenomic Analysis” bertempat di Dewan Teater, Bangunan Utama, NIOSH. Tujuan seminar ini dianjurkan adalah sebagai platform penyebaran maklumat tentang hasil kajian berkaitan bunyi bising dan kualiti udara dalaman yang dijalankan antara pihak UMPSA dan NIOSH. Antara wakil NIOSH yang terlibat ialah ChM Norhafsaam, Pakar Teknikal NIOSH dan Encik Daud Adam, pegawai NIOSH.♦

**30 Julai 2024****Program WINA di Jabatan Muzium Sarawak**

30 Julai 2024, Kuching – Program Work Improvement Needs Analysis (WINA) bertempat di Bangunan Annex Muzium & Borneo Culture Muzium telah dilaksanakan oleh wakil Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH. Antara pegawai NIOSH yang terlibat adalah Puan Siti Zomariah dan Encik Mohd Irsyad Shafiq.♦

31 Julai 2024 ➔ Sambutan Hari Mendengar Peringkat NIOSH 2024

31 Julai 2024, Bandar Baru Bangi – NIOSH telah menganjurkan program Sambutan Hari Mendengar 2024 Peringkat NIOSH bertempat di NIOSH Experience Centre (NEC), Aras 2, Menara NIOSH, Bangi. Objektif penganjuran program ini adalah sebagai medium perkongsian ilmu pengetahuan berkaitan aktiviti mendengar dan turut bersama menjalankan aktiviti bagi memastikan peserta dan masyarakat dapat menyedari kepentingan mendengar dalam kehidupan.

Program ini dipenuhi dengan aktiviti perkongsian maklumat #NIOSHTalk oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Fakulti Perubatan UKM serta Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH). Selain itu, aktiviti pameran tutut dijalankan oleh HRDCorp, NCEMH, HCTM, Me-Dal & Hearlife SB, Cochlear Ltd, Advanced Bionics dan 820dB.

Pihak NIOSH menerima kunjungan peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai TUDM, pelajar dari UNITEN, Segi College, UPNM, MFI UniKL serta kakitangan KPJ Tawakkal, PTPK, PDRM, MARA & RHB. Terima kasih diucapkan kepada para peserta yang hadir secara fizikal dan atas talian. ♦



OSHTALK

1

#NIOSHtalk
Tips Jimat Cukai

MOHD HAIRI SHAZWAN BIN JALI
Eksekutif Hasil

4/7/2024 (Khamis)
10.00 pagi- 11.30 pagi
Dewan Teater,
Bangunan Utama

Secara Langsung
nioshmalaysia

#NIOSHtalk
**Agrivoltaics:
An Ideal Plan for Dual-Land Use**

IR. DR. M. EFFENDY YA'ACOB
Senior Lecturer,
Department of Process and Food Engineering,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

10/7/2024 (Rabu)
10.00 pagi- 11.30 pagi
Dewan Teater,
Bangunan Utama

Secara Langsung
nioshmalaysia

SEMINAR

2

TRANSFER OF KNOWLEDGE SEMINAR ON

NOISE-INDUCED HEARING LOSS (NIHL): WHAT THE BRAIN CAN TELL YOU? + AND METAGENOMIC ANALYSIS

25 JULY 2024 (THURSDAY) 8.30 AM – 5.00 PM

THEATER HALL, NIOSH BANDAR BARU BANGI (PHYSICAL SESSION) ZOOM MEETING (ONLINE SESSION)

Fee: FREE

WHO SHOULD ATTEND : OSH PRACTITIONERS, RESEARCHERS, LECTURERS, & STUDENTS

En. Daud Adam Moderator Dr. Mohamed Arif Muhamad Noordin NIOSH Dr. Mohd Khalid Izamli Zolketyl UMPSA

Chm. Mohd Norhisham Meghpur Moderator Ts. Dr. Hajar Fauzan Ahmad UMPSA Dr. Nor Husna Mat Hussin UMPSA

Certificate of Participation provided
CEP Points (as per DOSH Guidelines)

For More Info, Contact Us : 019-231 6608 dl.tscd@niosh.com.my

ONLINE REGISTRATION <https://edaftar.niosh.net.my>



Online Seminar WAREHOUSE SAFETY MANAGEMENT HOW MUCH DO YOU KNOW?

YURAN :

RM53 (Termasuk 6% SST)

TARIKH : 12 JULAI 2024
MASA : 9 PAGI - 12 T/HARI

- Seminar ini TIDAK MENYEDIAKAN mata kredit CEP
- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- SIJIL PENYERTAAN disediakan

TRANSFER OF KNOWLEDGE SEMINAR ON

ERGONOMICS INTERVENTION AND BEST PRACTICES

22 JULY 2024 (MONDAY) 8.30 AM – 5.00 PM

THEATER HALL, NIOSH BANDAR BARU BANGI (PHYSICAL SESSION) ZOOM MEETING (ONLINE SESSION)

Fee: FREE

WHO SHOULD ATTEND : OSH PRACTITIONERS, RESEARCHERS, LECTURERS, ERGONOMICS TRAINED PERSON (ETP) & STUDENTS

Dr. Salwa Mahmood UTHM Ts. Dr. Muhammad Farid Shaari UTHM Dr. Helmy Mustafa El Bakri UTHM

Certificate of Participation provided
CEP Points (as per DOSH Guidelines)

For More Info, Contact Us : 019-231 6608 dl.tscd@niosh.com.my

ONLINE REGISTRATION <https://edaftar.niosh.net.my>



Seminar On

SAFETY SOLUTION FOR HIGH RISK ACTIVITIES

17 JULY 2024

DEWAN TAN SRI LEE LAM THYE,
MENARA NIOSH,
NIOSH BANDAR BARU BANGI

SPONSORED BY

MSA
The Safety Company

Online Seminar BEHAVIOUR BASED SAFETY (BBS) BUILDING AN EFFECTIVE SAFETY CULTURE

YURAN :

RM53 (Termasuk 6% SST)

TARIKH : 19 JULAI 2024
MASA : 9 PAGI - 12 T/HARI

- Seminar ini TIDAK MENYEDIAKAN mata kredit CEP
- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- SIJIL PENYERTAAN disediakan

Untuk mendaftar : <https://edaftar.niosh.net.my>

DR. SHAMSUL RIZAL BIN SHAMSUDIN
– SAFETY AND HEALTH OFFICER (SHO) COURSE –
– COMPETENT / CERTIFIED TRAINER & SPEAKER

ZULKARNAIN MOHD SAID
– BEHAVIOUR BASED SAFETY (BBS) EXPERT –

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : WhatsApp : 019-2314608 (Sekretariat)
Email : dl.tscd@niosh.com.my



SerenitéStay
Finest Stay In The City

SerenitéStay is fully owned by the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH). We are conveniently located at Seksyen 15 Bandar Baru Bangi, Selangor. Our accommodation comprises 76 fully furnished guest rooms, ranging from twin sharing and suite rooms. Consisting of 5 suite rooms, 8 twin sharing for the disabled person and the rest are twin sharing. We are open only open to the participant that joined our course but we also welcome the public to stay at SerenitéStay.

For your information, SerenitéStay provides facilities such as bicycles, a gymnasium, a multipurpose court, a library, Occupational Health Clinic (OHC), and WiFi.

Scan the QR code to make an online reservation

or visit <https://serenitestay.niosh.net.my/>

Hall/Call

- Rafflesia Hall
- Tan Sri Lee Lam Thye Hall
- Theater Hall
- Sri Pelangi Hall
- Sri Anggerik Hall
- Aman Meeting Room
- VIP Holding Room

Room

- Single Room
- Twin Sharing Room
- Suite Room

Food and Beverage Services

Finest Stay in The City

Contact No.

MRS. NADHIRAH : +6011 2101 6109
MS. NURUL 'AIN : +6013 948 4013

Email : serenitestay@niosh.com.my

HALL / CALL RENTAL	RATE			
	CATEGORY	WEEKDAYS	WEEKEND	ADDITIONAL AVAILABILITY
RAFFLESIA HALL Capacity - 250 pax	GOV	RM3,500.00	RM3,500.00	RM100.00
	NON GOV	RM3,500.00	RM4,000.00	RM100.00
TAN SRI LEE LAM THYE HALL Capacity - 200 pax (with table arrangement) 400 pax (without table)	GOV	RM3,000.00	RM3,500.00	RM100.00
	NON GOV	RM3,500.00	RM4,000.00	RM100.00
THEATER HALL Capacity - 200 pax	GOV	RM2,000.00	RM2,500.00	RM100.00
	NON GOV	RM2,500.00	RM3,000.00	RM100.00
SRI PELANGI HALL Capacity - 150 pax	GOV	RM500.00	RM600.00	RM100.00
	NON GOV	RM600.00	RM700.00	RM100.00
SRI ANGGERIK HALL Capacity - 150 pax	GOV	RM500.00	RM600.00	RM100.00
	NON GOV	RM600.00	RM700.00	RM100.00
AMAN MEETING ROOM Capacity - 20 pax	GOV	RM300.00	RM400.00	RM100.00
	NON GOV	RM400.00	RM500.00	RM100.00
VIP HOLDING ROOM Capacity - 10 pax	GOV	RM150.00	RM200.00	RM50.00
	NON GOV	RM200.00	RM250.00	RM50.00
TRAINING ROOM Capacity - 30 pax	GOV	RM500.00	RM600.00	RM100.00
	NON GOV	RM600.00	RM700.00	RM100.00

ROOM RATE

PACKAGE	INDIVIDUAL		
	SINGLE ROOM	TWIN SHARING ROOM	SUITE ROOM
SINGLE ROOM RM 135.00/PAX with 6 meals	TWIN SHARING ROOM RM100.00/PAX with 6 meals	SUITE ROOM RM160.00/PAX with 6 meals	SINGLE ROOM RM 90.00/PAX with 6 meals
<small>Available 5/5</small>	<small>Available 5/5</small>	<small>Available 5/5</small>	<small>Available 5/5</small>
TWIN SHARING ROOM RM90.00/PAX	SUITE ROOM RM160.00/PAX	SINGLE ROOM RM 90.00/PAX	TWIN SHARING ROOM RM90.00/PAX
<small>Available 5/5</small>	<small>Available 5/5</small>	<small>Available 5/5</small>	<small>Available 5/5</small>
SUITE ROOM RM160.00/PAX			SUITE ROOM RM160.00/PAX
<small>Available 5/5</small>			<small>Available 5/5</small>

FOOD AND BEVERAGE SERVICE (PACKAGE)

NO.	ITEM	PRICE / UNIT / DAY
1.	LAPTOP	RM200.00
2.	LCD	RM50.00
3.	WHITE SCREEN	RM200.00
4.	PORTABLE WHITE SCREEN	RM100.00
5.	PORTABLE WHITE BOARD	RM100.00
6.	STAND MIC	RM10.00
7.	MIC	RM10.00
8.	SET KARAOKE	RM50.00
9.	FLIP CHART	RM50.00
10.	EXTRA INTERNET (AP) 50Mbps -100Mbps	RM100.00
11.	TILAM TAMBAHAN	RM30.00
12.	PENCETAK	RM100.00

EXTRA CHARGES

MyNIOSH

MyNIOSH merupakan aplikasi mudah alih paparan berpusat bagi pelbagai perkhidmatan NIOSH

Muat Turun dan Pasang aplikasi ini sekarang!!!

Jom dapatkan aplikasi MyNIOSH di Google PlayStore & Apple Store.

Kini, anda boleh menyatakan kursus dan E-Card anda dan info terkini di MyNIOSH app.

Muat turun sekarang

Available on the iPhone | Available on the Google Play

Ciri-ciri Aplikasi

- Daftar dan Semak status kursus
- Akses kepada E-Card (Kad Perakaunan Latihan & Kad Pasport)
- Maklumat dan Promosi terkini
- Capaian ke eposter, bulatan dan bahan terbitan percuma
- Maklumbalas

QR codes for download on Google Play and App Store.

www.niosh.com.my

OCCUPATIONAL HEALTH SERVICES
Your Health, Our Priority !

Our Service

At OHC Clinic, we prioritize your health and well-being. Our dedicated team of professionals is here to provide exceptional OCCUPATIONAL HEALTH (OH) services tailored to your needs. Choose us for:

- Occupational Health Services (MS, ATA)**
- Basic Health Screening**
- FREE Walkthrough Survey**
- InBody Expertise**

FOR MORE INFORMATION

+012-264 0869
ohc@niosh.com.my

Discount for InBody Test (RM20)

Health Screening Package A (RM100)
Medical Checkup + InBody Test + OSH Talk with free Consultancy In-house Program min. 20 pax

Health Screening Package B (RM80)
Medical Checkup + InBody Test with FREE Consultancy

NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor

www.niosh.com.my

OCCUPATIONAL PSYCHOLOGICAL FIRST AIDER

Peserta akan menghadiri kursus berikut:

- Mental Health Awareness
- Occupational Psychological First Aid

PERCUMA 10,000 PESERTA

Sesi kursus akan dijalankan secara DALAM TALIAN menggunakan Aplikasi

www.niosh.com.my

PERHATIAN!

PENDAFTARAN KURSUS, SEMINAR ATAU PEPERIKSAAN ANJURAN NIOSH HANYA MELALUI PLATFORM RASMI NIOSH
<https://edaftar.niosh.net.my>

NIOSH TIDAK PERNAH MELANTIK DAN TIDAK PERNAH MEMBENARKAN LAMAN WEB LAIN UNTUK PENDAFTARAN KURSUS, SEMINAR ATAU PEPERIKSAAN ANJURAN NIOSH

PENIPUAN

www.niosh.com.my

JOM IKLAN
Tingkat jualan produk & perniagaan anda melalui
Ruang Iklan di FYI NIOSH

PAKEJ RUANG IKLAN

Jenis Iklan	1 Bulan	6 Bulan	12 Bulan
Muka Surat 2 (Dalam) - Muka penuh - 21cm X 29.5cm	RM 1,000	RM 5,000	RM 10,000
Muka Akhir (Dalam) - Muka penuh - 21cm X 29.5cm	RM 800	RM 4,000	RM 8,400
1 Muka Penuh (Dalam) - 21cm X 29.5cm	RM 700	RM 3,500	RM 7,350
1/2 Muka - 21cm X 14.5cm	RM 600	RM 3,000	RM 6,300
1/4 Muka - 10.5cm X 14.5cm	RM 500	RM 2,500	RM 5,250

FYI NIOSH diedarkan dalam bentuk softcopy kepada ahli NIOSH, rakan strategik sektor awam dan swasta, dan juga pelanggan.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA

INILAH MASANYA UNTUK ANDA

*Harga paket tidak termasuk 6% SST

Terms & Syarat :

1. Semua pengiklan hendaklah menyediakan artwork.
2. Pengiklan hendaklah memberi design artwork iklan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh penerbitan.
3. Bayaran hendaklah dibayar kepada skuan NIOSH bersama dengan design artwork.
4. Pengiklan perlu memohon melalui emel di info@niosh.com.my.
5. Sekiranya pemohon diluluskan, pihak NIOSH akan menghubungi pengiklan.

SITE SAFETY SUPERVISOR (SSS)

OBJECTIVE

At the end of the course, the participant will be able to:

- Describe the OSH legislative requirements pertaining to construction site.
- Conduct the risk management process in the workplace.
- Elaborate OSH requirements for site management.
- Be a competent Site Safety Supervisor (SSS).

ENTRY REQUIREMENT

• Malaysian citizen,
AND
• Able to read and write in either Bahasa or English,
AND
• At least one year working experience as Site Supervisor or Site Foreman OR
• Diploma in any relevant field
• Certificate of Education (LCE) Sijil Rendah Pelajaran (SRP) / Meningkatkan Tingkatan 3 (PT3) or equivalent

TOPIC

- Introduction to OSH, Site Safety Supervisor Duties and Tasks
- OSH Legislation,
- OSH Management Systems
- Consultation & Training;
- OSH Management;
- Occupational Safety;
- Occupational Health;
- Site visit.

Fee

Course Fee RM 1450
Exam Fee RM 350
Total Fee RM 1800
10% Less for NIOSH Membership

COURSE INFO

- Online Payment (FPX)
- Hotline: Callable Courses
- E-Cert
- 10 Days
- <http://edafir.niosh.net.my>

VENUE

NIOHS SOUTHERN REGIONAL OFFICE (JOHOR BAHRU)
Kompleks Perindustrian Zon Lorong Jalan Bakut Muarita
Bando Daro Onn
81600 Johor Bahru Johor

CONTACT US

07-571 2300 | 018-3516603

www.niosh.com.my
sro.niosh.com.my

NIOSH Wilayah Selatan (JOHOR)
NIOSH JOHOR

**AWARENESS PROGRAMME COURSE
BANDAR BARU BANGI**

HEARING LOSS PREVENTION AND AUDIOMETRIC TESTING PROGRAM (HLPAP-RL) (REMOTE LEARNING)

**Course Fee :
RM432.00
(inclusive of 8% SST)**

Course Programme

edaftar.niosh.net.my/nhcp

OBJECTIVE(S):

- Interpret the element of hearing conservation programme as stipulated under the OSH (Noise Exposure) Regulation 2019.
- Explain noise risk assessment and how to reduce noise exposure at workplace.
- Determine and maintain the appropriate Personal Hearing Protectors (PHP).
- Conduct and analyse the audiometric testing.

TARGET GROUP:

- OSH Practitioners - SHO, OHD, OHN, etc.
- Hearing Conservation Administrator (HCA).
- Audiometric Testing Centre Personnel.
- Paramedics – nurses, medical assistants, etc.

COME JOIN US !!

Oleh Norzamira
Chi Soh
anisnorzamira@ymail.com

PENCEMARAN PMAA DI KUANG

Tangki kilang plastik bocor

Pemerintah bahan terjangan bahan kimia dan air yang dibuang ke Sungai Kuang di kawasan Sungai Selangor. Ia menyebabkan tangki plastik berlubang yang berada di dalam tanah.

Jumlah

Pemerintah bahan terjangan bahan kimia dan air yang dibuang ke Sungai Kuang di kawasan Sungai Selangor. Ia menyebabkan tangki plastik berlubang yang berada di dalam tanah.

kejadian diterima pi-
haknya dari MERS 999
pada jam 7.50 pagi dan
berlaku selama 110 minit.

Katanya, mangsa yang parah diketahui
di Hospital Putrajaya
dan dua antarinya di-
muat semasa menjalani
gal dunia di hospital.

dari tingkat kilang
utama. Kebiasaannya
mengambil ditinggalkan se-
mentara masih tidur
selepas melaksanakan
TASKA. Sambutan apartmen
berkenaan, katanya, dilanjutkan

Sebelum itu, beberapa gambar tular di
Facebook yang menunjukkan
orang ramai cuba menyelamatkan
kanak-kanak yang terjatuh dari tingkat
apartmen kakitangan kerajaan di Putrajaya,

an terhadap

Asnadi berkata, mangsa

masih

berada di Unit Fisiologi

Hospital Putrajaya bagi proses

berlakunya operasi.

Katanya, siasatan lanjut

masih dijalankan dan kes

klasifikasi sebagai

matang.

SIR

**Budak 4 tahun maut jatuh dari tingkat 16**

Mangsa dipercayai
ditinggalkan
sendirian kerana
bapa hantar anak
ke apartmen berke-

katanya, mangsa yang parah diketahui
di Hospital Putrajaya
dan dua antarinya di-
muat semasa menjalani
gal dunia di hospital.

Jumlah dari tingkap

an terhadap

Asnadi berkata, mangsa

masih

berada di Unit Fisiologi

Hospital Putrajaya bagi proses

berlakunya operasi.

Katanya, siasatan lanjut

masih dijalankan dan kes

klasifikasi sebagai

matang.

SIR

an terhadap

Asnadi berkata, mangsa

masih

berada di Unit Fisiologi

Hospital Putrajaya bagi proses

berlakunya operasi.

Katanya, siasatan lanjut

masih dijalankan dan kes

klasifikasi sebagai

matang.

SIR

I REFER to the report "Businesses in a bind over safety" (The Star, July 9). As a health and safety advocate, it is difficult for me to accept the claim that other trade associations, particularly from SMEs, that they are either still in the dark about the new occupier safety and health rules or do not have the resources to comply with the provisions.

According to the SME Corporation Malaysia, SMEs in this country encompass the services, agriculture, manufacturing, agricultural, fishery and forestry, and the mining and quarry sectors. Each sector has at least one trade association that they could join as members.

High time to comply with OSHA

SME associations should be reminded that the Occupational Health and Safety Act (OSHA) was not enacted yesterday. OSHA was enacted in 1994 and has been in force for more than 30 years now. So, the associations should ask themselves what they have done to help their members comply with the Act instead of offering the same excuses to explain their recalcitrance.

Is there an active committee in the respective associations to deliberate ways to enhance their members' awareness of safety or

to advise them to comply with the Act's legal requirements?

As for the claim by the associations that their members lack the resources to meet the safety requirements, may I ask which organisation does not have this problem?

I have observed the implementa-

issues. Unfortunately, there were few takers because SME employees were mostly multi-functional. This meant that when staff were sent for training, the company had to get others to do their work for the day. In addition, there was fear that after the workers were trained, they would be poached by other companies.

I believe this is the real issue behind SMEs' difficulty in complying with OSHA.

WONG SOON KAN Petaling Jaya

The Star

**MAYAT PEKERJA BERGELIMPANG**

Oleh Norzamira
Chi Soh
anisnorzamira@ymail.com

Shah Alam

T

T

T

T

T

T

T

T

T

Sinar

NASIONAL 19

Maut keracunan makanan

Ibu turut alami gejala sama dan dimasukkan ke wad

Oleh ASYKIN ASMIN
SANDAKAN

Sekarang mudah belakar. Ibu Empat sebuah sekolah di sini yang tinggal dulu akibat keracunan makanan pada Kamis.

Bajagainapun, kakak leluhru guna kerja pengeluaran di kawasan Sungai Perak. Mereka tiba-tiba panas pada malam Rabu dan direhabilitasi di Hospital Sungai Perak. Penting dilakukan makar yang diperoleh di sekolah kerana ibunya turut mengalami gejala yang sama.

Pengaruh Perekodikan Negri Sabah, Datuk Raisin Salidin berkata, hasil laporan awal mendapati pada Selasa tujuh guru ke-

las dimulakan melalui aplikasi WhatsApp bahawa maut tersebut tidak dapat hidir ke seluruh sekolah kerana ia bukan makanan.

Muri ini relah ke klinik dan diberi cuti sakit dari hari sehingga Rabu

sehingga guna kerja pengeluaran di kawasan Sungai Perak.

Belia mengulas lesen bukti keracunan makanan yang selama ini terdapat laju yang jelas.

Belia mengulas lesen bukti keracunan makanan yang selama ini terdapat laju yang jelas.

"Oleh kerana virus mem-

Dos berlebihan vape boleh bawa maut

kian terlebih dos yang boleh membawa maut selain menguras perlahan dan kegagalan pernafasan. Nikitin juga berkata, penggunaan vape boleh meningkatkan risiko orang mengembangkan penyakit kronik seperti kanker paru-paru, hati, otak dan limpa kulin.

"Rata-rata pengguna

berlebihan

vape mengalami

penyakit kronik

seperti kanker paru-paru,

hati, otak dan limpa kulin.

"Selain itu, pengguna

berlebihan

vape juga ber-

risiko

terhadap kesehatan

periferik peng-
embangunan dan

berdarah."

"Penggunaan

berlebihan

vape boleh meng-

akali respon senorot da-

bat yang berfungsi

bat yang berfungsi